

## KORELASI ANTARA PERSEPSI PELAJAR TERHADAP UJIAN ATAS TALIAN DENGAN MARKAH PENILAIAN BERTERUSAN PELAJAR

### *THE CORRELATION BETWEEN STUDENTS' PERCEPTIONS OF ONLINE EXAMINATIONS AND THEIR CONTINUOUS ASSESSMENT SCORES*

Abidah Aqilah Mohd Noor<sup>1\*</sup>  
Muhammad Anas Abdul Razak<sup>2</sup>  
Nur Shuhadak Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan, Malaysia.  
(E-mail: [abidahqilah@uitm.edu.my](mailto:abidahqilah@uitm.edu.my))

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, Malaysia.  
(E-mail: [anasrazak@uitm.edu.my](mailto:anasrazak@uitm.edu.my))

<sup>3</sup>Akaemi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan, Malaysia.  
(Email: [shuhadak@uitm.edu.my](mailto:shuhadak@uitm.edu.my))

\*Corresponding author: [abidahqilah@uitm.edu.my](mailto:abidahqilah@uitm.edu.my)

#### Article history

Received date : 9-6-2025

Revised date : 10-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 29-7-2025

#### To cite this document:

Noor, A. A. M., Razak, M. A. A., & Ismail, N. S.  
(2025). Korelasi antara persepsi pelajar terhadap ujian  
atas talian dengan markah penilaian berterusan pelajar  
*Journal of Islamic, Social, Economics and  
Development (JISED)*, 10 (74), 816 - 830.

**Abstrak:** Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan, terutamanya dalam kaedah penilaian akademik. Penilaian atas talian kini menjadi satu pilihan utama dalam menilai pencapaian pelajar dikebanyakan institusi pendidikan tinggi, begitu juga dengan subjek bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Terdapat dua ujian yang dilaksanakan secara atas talian iaitu ujian mendengar dan ujian bertulis. Justeru kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenaplasti persepsi dan pencapaian pelajar secara atas talian, seterusnya mengkaji korelasi antara min persepsi pelajar tersebut dengan min pencapaian markah penilaian berterusan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan melibatkan soal selidik sebagai instrumen utama bagi mengumpul data. Sampel kajian terdiri daripada 119 orang pelajar dari pelbagai program pengajian yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan ujian korelasi Pearson. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap ujian atas talian. Dari segi pencapaian, 70.5% pelajar memperoleh gred A dan B, menandakan tahap penguasaan yang baik. Ujian korelasi Spearman-Rho mendapati terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara persepsi pelajar dan pencapaian akhir mereka ( $r = 0.161$ ,  $p < 0.040$ ). Hanya 2.1% daripada variasi pencapaian dapat dijelaskan oleh persepsi terhadap ujian atas talian. Kajian ini mencadangkan agar faktor lain seperti motivasi, strategi belajar, dan kemahiran teknikal turut diambil kira dalam meningkatkan keberkesanan pentaksiran atas talian.

**Kata Kunci:** Korelasi, Persepsi, Ujian Atas Talian, Markah Penilaian Berterusan, Bahasa Arab.

**Abstract:** *The advancement of digital technology has brought significant changes to the education system, particularly in academic assessment methods. Online assessment has now become a primary option for evaluating student performance in many higher education institutions, including for Arabic as a third language at Universiti Teknologi MARA (UiTM). Two types of assessments were conducted online: listening and written tests. Therefore, this study was conducted with the aim of identifying students' perceptions and academic performance in an online setting, and subsequently examining the correlation between the mean of students' perceptions and the mean of their continuous assessment scores. This study employed a quantitative research design using a questionnaire as the main instrument for data collection. The sample consisted of 119 students from various academic programs enrolled in the Arabic language course as a third language at UiTM. The data collected were analyzed using descriptive statistics and Spearman-Rho correlation analysis. The findings show that the majority of students had a positive perception of online assessments. In terms of achievement, 70.5% of students obtained grades A and B, indicating a good level of mastery. The Spearman-Rho correlation test revealed a significant but weak relationship between students' perceptions and their final continuous assessment scores ( $r = 0.161$ ,  $p < 0.040$ ). Only 2.1% of the variance in achievement could be explained by students' perceptions of online testing. This study suggests that other factors such as motivation, learning strategies, and technical skills should also be considered to enhance the effectiveness of online assessment.*

**Keywords:** *Correlation, Perception, Online Testing, Continuous Assessment Scores, Arabic Language.*

---

## Pengenalan

Kemajuan teknologi digital telah memberikan impak yang besar terhadap pelbagai aspek kehidupan, termasuk bidang pendidikan. Transformasi digital dalam pendidikan telah membuka peluang dan cabaran baharu yang mempengaruhi kaedah pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong institusi pendidikan untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dan penilaian kepada format digital. Meskipun pandemik COVID-19 kini berada dalam fasa endemik, namun amalan pembelajaran dan penilaian secara digital tetap diteruskan sebagai norma baharu dalam pendidikan.

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), penilaian kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga juga masih mengekalkan penilaian secara atas talian. Antara ujian yang dilaksanakan atas talian adalah ujian bertulis dan mendengar. Pelaksanaan pengujian atas talian memberi pelbagai kemudahan kepada pensyarah dan pelajar antaranya penjimatan masa dan kos peralatan dan pelaksanaannya lebih mudah dan fleksibel (Waheeda et al., 2023).

Namun begitu, pelaksanaan pengujian atas talian ini juga terdapat risiko yang perlu dihadapi antaranya isu kejujuran dan integriti pelajar ketika menjawab ujian atas talian, masalah capaian internet, gangguan suasana persekitaran ketika menjawab ujian dan sebagainya (Ismail et al., 2025). Justeru, pelajar sebagai penerima kaedah penilaian ini sudah tentu mempunyai pelbagai persepsi terhadap keberkesanan pengujian atas talian ini.

Persepsi pelajar terhadap sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran amat penting diambil berat kerana persepsi pelajar saling berkait rapat dengan tahap minat, motivasi, kejujuran dan kesediaan mereka ketika belajar. Secara tidak langsung ianya dapat menilai tahap keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah digunakan.

Di Malaysia, beberapa kajian lepas telah mengkaji persepsi pelajar terhadap ujian atas talian, antaranya kajian yang dijalankan oleh Razali & Mohd Adnan (2022) dan Lee et al., (2023). Namun tidak banyak kajian lepas yang khusus mengkaji mengenai korelasi antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan markah penilaian berterusan pelajar, kebanyakannya mengkaji mengenai persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian secara umum.

Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji adakah persepsi pelajar terhadap pengujian atas talian juga akan memberi kesan terhadap pencapaian akhir markah penilaian berterusan mereka, seterusnya ianya akan mencerminkan tahap hasil keberkesanan kaedah ujian atas talian tersebut.

Kajian ini menfokuskan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai bahasa Ketiga di UiTM. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyiasat hubungan antara persepsi pelajar dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan atas talian pelajar. Diharapkan hasil kajian ini akan membantu pensyarah dan pihak pengurusan dalam merancang kaedah penilaian yang lebih berkesan, cekap, adil dan mesra pelajar.

### **Latar Belakang Kajian**

Transformasi digital dalam pendidikan telah membawa pelbagai faedah yang ketara, terutamanya dalam pelaksanaan ujian atas talian. Penggunaan teknologi seperti platform e-pembelajaran dan penilaian digital telah menjadi norma baharu yang memacu perkembangan sistem pendidikan global (Hodges et al., 2020). Ujian atas talian menawarkan fleksibiliti dari segi masa, lokasi, dan akses, sekaligus memastikan penilaian akademik dapat diteruskan walaupun dalam situasi luar jangka seperti pandemik. Pelajar yang mempunyai persepsi positif terhadap sistem ini cenderung menyesuaikan diri dengan lebih baik, meningkatkan motivasi serta berpotensi mencapai prestasi akademik yang lebih tinggi (Osabutey et al., 2024).

Namun begitu, pelaksanaan ujian atas talian turut menghadapi pelbagai cabaran. Perubahan drastik kepada mod pengajaran dan penilaian secara dalam talian akibat pandemik menimbulkan kekhuatiran dalam kalangan pelajar, terutamanya berkaitan isu keadilan, keselamatan (Kaup et al., 2020) dan keberkesanan sistem (Diah Kurniati et al., 2023). Pelajar yang mempunyai persepsi negatif terhadap ujian atas talian berisiko mengalami tekanan, kebimbangan, dan kurang keyakinan yang boleh menjejaskan pencapaian akademik mereka (Kaup et al., 2020).

Tambahan pula, faktor seperti tahap literasi digital yang rendah, ketidakcekapan menggunakan peranti, masalah capaian internet yang tidak stabil, serta persekitaran rumah yang tidak kondusif turut memberi kesan negatif terhadap pengalaman mereka (Holm, 2025; Ocak & Karakuş, 2021; Makgakga, 2023). Kekurangan kajian tempatan mengenai korelasi antara persepsi pelajar dan pencapaian akademik dalam konteks pasca pandemik juga menjadi satu jurang pengetahuan yang perlu diberi perhatian.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang pengetahuan yang wujud dan memberi tumpuan kepada hubungan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akademik mereka. Kajian ini amat penting dalam usaha memahami kesan langsung dan tidak langsung pelaksanaan ujian atas talian terhadap prestasi pelajar. Di samping itu, hasil dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberikan panduan yang berguna kepada pihak pentadbiran institusi pendidikan, pensyarah, dan penggubal dasar untuk menambah baik pelaksanaan ujian atas talian dengan mengambil kira faktor-faktor psikososial dan teknikal yang dihadapi oleh pelajar. Hal ini sejajar dengan matlamat pendidikan abad ke-21 yang menekankan adaptasi teknologi, kebolehcapaian, dan keadilan dalam penyampaian ilmu dan penilaian akademik.

### **Penyataan Masalah**

Walaupun ujian atas talian semakin diterima secara meluas sebagai satu bentuk penilaian yang sah dan efektif dalam sistem pendidikan digital, masih wujud pelbagai pandangan serta persepsi yang berbeza dalam kalangan pelajar terhadap keberkesanan pelaksanaannya. Sebahagian pelajar menyambut baik pelaksanaan ujian secara dalam talian kerana ia menawarkan kemudahan, fleksibiliti masa, serta mengurangkan tekanan persekitaran berbanding ujian secara bersemuka. Kemudahan ini termasuk keupayaan untuk menjawab soalan dari lokasi pilihan mereka, menyediakan tempoh masa yang mencukupi, serta membenarkan akses kepada nota dan bahan rujukan pada bila-bila masa (Gamage et al., 2020).

Namun begitu, tidak semua pelajar berkongsi persepsi yang sama. Terdapat segelintir pelajar yang menghadapi pelbagai cabaran apabila berhadapan dengan ujian atas talian. Antara cabaran utama termasuklah masalah teknikal seperti capaian internet yang tidak stabil, tidak mempunyai peranti sendiri, dan kemahiran teknikal yang rendah boleh menjejaskan prestasi mereka semasa menjawab soalan (Alsadoon, 2021). Selain itu, ada juga pelajar yang kurang mahir menggunakan platform digital yang digunakan untuk ujian, terutamanya pelajar dari latar belakang sosioekonomi yang rendah atau kurang terdedah kepada teknologi (A. Afzal et al., 2023). Format dan pendekatan ujian yang berbeza daripada ujian tradisional turut menimbulkan kekeliruan serta ketidakselesaan dalam kalangan pelajar, terutamanya bagi mereka yang lebih cenderung kepada kaedah konvensional (Noor Behbehani, F., Mohammadi, A., & Aminazadeh, M., 2022).

Walaupun beberapa kajian antarabangsa dan tempatan telah menunjukkan bahawa persepsi positif terhadap ujian atas talian boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar (Osabutey et al., 2024; Alumalai & Paramasivam, 2023). Namun, masih terdapat bukti yang bercanggah. Kajian lain menunjukkan bahawa persepsi negatif terhadap ujian dalam talian boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik dan motivasi pelajar (Emine Kuluşaklı, 2024; Jalo et al., 2021). Manakala menurut Meo & Martí-Ballester (2020) dalam kajian mereka mendapati pelajar yang mempunyai persepsi yang positif terhadap ujian atas talian mendapat markah peperiksaan yang jauh lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa hubungan antara persepsi pelajar dan pencapaian akademik bukanlah sesuatu yang linear atau mudah diramalkan, malah dipengaruhi oleh pelbagai faktor luaran dan dalaman seperti latar belakang pelajar, jenis kursus, tahap literasi digital, sokongan institusi, serta kebolehsuaian terhadap teknologi.

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, isu ini masih kurang diterokai secara mendalam dan menyeluruh. Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan kajian yang lebih komprehensif bagi memahami hubungan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan mereka. Pemahaman ini bukan sahaja akan membantu

institusi pendidikan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam sistem sedia ada, malah dapat dijadikan asas dalam merancang dan melaksanakan penambahbaikan terhadap reka bentuk, pelaksanaan serta sokongan teknikal bagi ujian atas talian. Secara tidak langsung, hal ini dapat memastikan pelaksanaan sistem penilaian atas talian yang lebih adil, berkesan dan inklusif, sejajar dengan keperluan pelajar serta perkembangan teknologi pendidikan semasa.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan ujian atas talian bagi kursus Bahasa Arab.
2. Mengenalpasti pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar dalam ujian atas talian.
3. Mengkaji tahap korelasi antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan mereka dalam ujian atas talian.

### **Hipotesis Kajian**

1. Ho 1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar.
2. Ho 2: Terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar.

### **Kajian Literatur**

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penggunaan ujian atas talian telah berkembang pesat, terutamanya dalam kalangan institusi pengajian tinggi. Peralihan ini berlaku secara drastik susulan pandemik COVID-19 yang memaksa institusi pendidikan di seluruh dunia menggantikan penilaian bersemuka dengan platform dalam talian. Ujian atas talian sering dianggap sebagai kaedah yang fleksibel dan mudah, membolehkan pelajar dan pensyarah berinteraksi tanpa sekatan lokasi atau masa (Abasli et al., 2023). Namun, walaupun kajian ini menonjolkan kemudahan dari segi pelaksanaan, ia kurang menyentuh aspek impak terhadap kualiti penilaian dan pencapaian pelajar, khususnya dalam konteks jangka panjang.

Keberkesanan ujian atas talian telah menjadi fokus banyak kajian empirikal. Razali & Mohd Adnan (2022) menyatakan bahawa ujian atas talian yang dirancang dengan baik boleh menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai, malah lebih baik berbanding penilaian tradisional. Walau bagaimanapun, kajian ini banyak menekankan aspek teknikal pelaksanaan dan kurang memberi perhatian kepada dimensi afektif seperti emosi, motivasi, dan persepsi pelajar yang boleh mempengaruhi prestasi akademik secara signifikan.

Isu keadilan dalam ujian atas talian turut dikupas oleh Sarayrih & Ilyas (2013), yang menyoroti jurang akses terhadap kemudahan digital. Namun, kajian mereka agak terhad kerana dilakukan sebelum pandemik, justeru mungkin tidak mencerminkan dinamika terkini dan cabaran semasa dalam pelaksanaan ujian atas talian secara besar-besaran. Ini menunjukkan keperluan untuk penyelidikan yang lebih kontemporari dan kontekstual, khususnya dalam persekitaran pasca-pandemik.

Persepsi pelajar merupakan elemen penting yang boleh mempengaruhi keberkesanan ujian atas talian. Heinrichs & Purcell (2020) mengaitkan persepsi pelajar dengan pelbagai faktor seperti akses teknologi, kefahaman platform, kejelasan arahan dan kebolehsuaian kepada format digital. Namun, pendekatan kajian ini terlalu umum dan tidak meneliti bagaimana persepsi

tersebut mempengaruhi hasil pembelajaran secara langsung, khususnya dalam konteks penilaian berterusan.

Terdapat pelajar yang menunjukkan persepsi positif terhadap ujian atas talian. Osabutey et al. (2024) mendapati bahawa pelajar dengan persepsi positif menunjukkan motivasi dan pencapaian akademik yang lebih baik. Meskipun dapatan ini penting, kajian tersebut tidak menjelaskan secara mendalam mekanisme hubungan antara persepsi dan pencapaian, serta sejauh mana faktor luaran seperti sokongan pensyarah atau kesediaan institusi mempengaruhi dapatan tersebut. Dalam masa yang sama, kajian oleh Alsadoon (2021) mendedahkan bahawa pelajar yang kurang yakin dan mengalami kesukaran teknologi berasa cemas ketika menjalani ujian. Walaupun kajian ini memberi tumpuan kepada aspek emosi, ia tidak menyatakan bagaimana tekanan tersebut diterjemahkan dalam bentuk penurunan markah atau prestasi akademik.

Kemahiran teknologi juga menjadi faktor utama dalam membentuk persepsi pelajar. Arandas et al. (2024) menyatakan bahawa pelajar dengan kemahiran digital yang baik lebih yakin dan selesa dengan ujian atas talian. Namun begitu, kajian ini tidak mengambil kira pelajar dari latar belakang sosioekonomi rendah yang mungkin tidak mempunyai akses yang sama terhadap latihan atau teknologi. Oleh itu, dapatan tersebut mungkin tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh.

Masalah teknikal seperti sambungan internet yang lemah dan reka bentuk platform yang kurang mesra pengguna dikenal pasti sebagai punca ketidakstabilan semasa ujian boleh mengganggu tumpuan dan menjejaskan prestasi. Namun begitu, kajian ini hanya mengambil kira data kualitatif tanpa mengaitkan secara empirikal kesan gangguan tersebut terhadap markah penilaian berterusan pelajar.

Rauf dan Ahmad (2020) turut menyokong pandangan bahawa persepsi pelajar memberi kesan kepada prestasi akademik. Pelajar yang yakin dengan sistem cenderung lebih bermotivasi dan berjaya. Namun, kekuatan korelasi ini mungkin berbeza mengikut bidang pengajian, tahap pendidikan dan bentuk penilaian yang digunakan. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan bagi mengesahkan dapatan ini dalam konteks kursus bahasa.

Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab, kajian yang mengaitkan persepsi pelajar dengan pencapaian melalui ujian atas talian masih sangat terhad. Rahman (2021) menyatakan bahawa penilaian berasaskan teknologi boleh meningkatkan minat dan pencapaian pelajar, namun kajiannya lebih menumpukan kepada penggunaan alat pembelajaran digital dan bukannya pada format penilaian atau ujian itu sendiri.

Berdasarkan sorotan ini, jelas bahawa walaupun banyak kajian menyokong kepentingan persepsi pelajar dalam menentukan keberkesanan ujian atas talian, masih wujud kekurangan dalam kajian yang secara langsung menghubungkan persepsi dengan markah penilaian berterusan, terutama dalam konteks pembelajaran bahasa. Kajian ini akan cuba mengisi jurang tersebut dengan meneliti hubungan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dan kesannya terhadap markah penilaian berterusan mereka dalam konteks pengajian Bahasa Arab.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang berbentuk kuantitatif. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menilai hubungan antara dua pemboleh ubah utama iaitu persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dan pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar. Melalui pendekatan ini, persepsi pelajar dikaji sebagai satu pemboleh ubah bebas (x) manakala pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar sebagai pemboleh ubah bersandar (y), bagi mengenal pasti sejauh mana kedua-duanya saling berkait. Populasi kajian terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka yang mengambil kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Sampel kajian dipilih secara rawak berstrata, melibatkan pelajar dari pelbagai fakulti dan program pengajian bagi memastikan keterwakilan yang seimbang. Seramai 119 orang pelajar telah dijadikan sebagai responden dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen utama dalam pengumpulan data, iaitu soal selidik persepsi pelajar dan rekod pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar. Skor persepsi dikira secara min komposit bagi semua item yang berkaitan dalam soal selidik tersebut. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Kucherova & Ushakova (2022) dalam kajian mereka yang bertajuk 'Keberkesanan Pelaksanaan Ujian Atas Talian bagi Kursus Bahasa Inggeris Umum di Peringkat Universiti daripada Perspektif Pensyarah dan Pelajar'.

Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik atas talian yang diisi oleh responden dengan menggunakan platform Google Form dan data skunder iaitu markah pencapaian pelajar. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) melalui kaedah statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan kaedah perbandingan pekali korelasi Pearson. Jadual interpretasi kekuatan korelasi Davis (1971) telah dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini. Jadual 1 berikut merupakan jadual kekuatan korelasi c (1971):

**Jadual 1: Kekuatan Korelasi Davis (1971)**

| Skor Min    | Tahap            |
|-------------|------------------|
| 0.70 – 1.00 | Amat Tinggi      |
| 0.50 – 0.69 | Tinggi           |
| 0.30 – 0.49 | Sederhana Tinggi |
| 0.10 – 0.29 | Rendah           |
| 0.00 – 0.09 | Diabaikan        |

Manakala bagi menganalisis objektif kajian yang kedua iaitu pencapaian akhir markah berterusan pelajar atas talian, kajian ini merujuk kepada julat markah/gred sistem UiTM dalam jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Julat Markah/Gred UiTM**

| Gred | Julat Markah |
|------|--------------|
| A    | 75-100       |
| B    | 60-74        |
| C    | 47-59        |
| D    | 40-46        |
| E    | 30-39        |
| F    | 0-29         |

Ujian normaliti telah dijalankan terlebih dahulu bagi menentukan agihan data. Hasilnya menunjukkan agihan data adalah condong dan tidak normal, justeru pekali korelasi Spearman-Rho digunakan sebagai kaedah analisis inferensi bagi mengenal pasti kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah. Spearman-Rho dipilih berbanding Pearson kerana ia lebih sesuai untuk data ordinal atau apabila andaian normaliti tidak dipenuhi (Pallant, 2020).

## Dapatan Kajian

### Dapatan Kajian Pertama: Persepsi Pelajar Terhadap Ujian Atas Talian

Secara keseluruhan, responden telah diberikan enam soalan soal selidik: 1) Apakah perasaan anda tentang ujian bahasa Arab atas talian? Dengan pilihan jawapan: Ia agak berkesan dan berbaloi untuk dilaksanakan pada masa kini; Ia mempunyai potensi yang besar; Ia lebih tertekan daripada ujian kertas (konvensional); Ia tidak objektif sama sekali; Saya berasa agak negatif. 2) Adakah anda lebih suka ujian bahasa Arab atas talian berbanding ujian kertas konvensional tahun depan? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 3) Adakah ujian atas talian merangkumi aspek utama tatabahasa dan kosa kata bahasa Arab yang dipelajari? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 4) Sejauh manakah objektif ujian bahasa Arab atas talian pada pendapat anda? Pada skala 1–10 (skala 1 adalah sangat memuaskan dan skala 10 adalah sangat tidak memuaskan). 5) Adakah anda menghadapi sebarang kesulitan semasa ujian bahasa Arab atas talian? Dengan pilihan jawapan: Ya atau Tidak. 6) Apakah kesukaran utama semasa ujian bahasa Arab dilaksanakan atas talian? Ini adalah soalan jenis terbuka.

**Jadual 3: Dapatan Kajian Persepsi Soal Selidik Responden**

|                                                                                                         | Peratus |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| Berpendapat ujian atas talian didapati lebih berkesan dan bersesuaian untuk dilaksanakan pada masa kini | 61.9%   |
| Pertimbangkan ujian dalam talian sebagai alternatif yang berkesan kepada ujian kertas tradisional       | 73%     |
| Percaya bahawa ujian dalam talian merangkumi aspek utama kajian bahan tatabahasa dan kosa kata          | 85%     |
| Mengalami kesukaran semasa melakukan ujian dalam talian                                                 | 19%     |
| Keseluruhan mencapai objektif ujian dalam talian                                                        | 6.94    |

Berdasarkan jadual 3 di atas, keputusan soal selidik yang diambil oleh responden menunjukkan bahawa para responden merasakan ujian atas talian didapati lebih berkesan dan bersesuaian untuk dilaksanakan pada masa kini (61.9%). Sementara itu, sebanyak 73% responden lebih suka ujian bahasa Arab atas talian berbanding ujian kertas konvensional dilaksanakan tahun hadapan. Selain itu, 25% menyatakan mungkin. Seterusnya, 85% responden percaya bahawa ujian dalam talian merangkumi aspek utama kajian bahan tatabahasa dan kosa kata. Manakala 19% responden menyatakan terdapat kesukaran semasa melakukan ujian dalam talian.

Namun begitu, pengujian atas talian tetap juga tertedah kepada pelbagai cabaran dan bantahan. 19% mendapati mempunyai kesulitan semasa ujian bahasa Arab dilaksanakan atas talian. Sementara itu, antara kesukaran yang responden alami ketika menduduki ujian atas talian adalah masalah pencapaian internet (27.7%), manakala diikuti dengan cabaran menaip tulisan arab di keyboard ketika menduduki ujian (19%). Seterusnya diikuti dengan kesulitan atau cabaran-cabaran lain seperti masalah dengan rangkaian *Learning Management System* (LMS), masalah audio ketika ujian mendengar kurang jelas, masalah penguasaan kosa kata yang lemah, kurang fokus, suasana persekitaran ketika menduduki ujian atas talian, kesukaran memahami

soalan ujian, tidak biasa dengan ujian atas talian, kekangan masa untuk menjawab soalan dan soalan lambat keluar. Sebaliknya, sebanyak 10% mendapati tiada sebarang masalah ketika menjalani ujian atas talian.

Purata skor persepsi pelajar adalah 6.9 daripada 10, menggambarkan bahawa secara keseluruhan, pelajar mempunyai pandangan yang cenderung positif terhadap pelaksanaan ujian atas talian dalam kursus Bahasa Arab.

### **Dapatan Kajian Kedua: Pencapaian Akhir Markah Penilaian Berterusan Pelajar dalam Ujian Atas Talian**

Hasil analisis terhadap pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap pencapaian yang baik. Seramai 30.2% pelajar telah memperoleh gred A, manakala 40.3% pula mendapat gred B. Ini menunjukkan bahawa 70.5% pelajar berada dalam kategori pencapaian cemerlang dan baik. Sementara itu, 20.1% pelajar memperoleh gred C, yang mencerminkan pencapaian sederhana. Seramai 8.4% pelajar mendapat gred D, menunjukkan prestasi yang agak lemah, dan hanya 1% pelajar sahaja yang memperoleh gred E, iaitu pencapaian yang sangat rendah. Tiada pelajar yang memperoleh markah 0%, menandakan bahawa semua pelajar sekurang-kurangnya mencapai tahap minimum penilaian. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar menunjukkan penguasaan yang memuaskan terhadap pembelajaran mereka. Berikut merupakan pencapaian akhir markah penilaian berterusan atas talian pelajar:

**Jadual 4: Peratus Pencapaian Markah Pelajar**

| Gred | Markah (%) |
|------|------------|
| A    | 30.2%      |
| B    | 40.3%      |
| C    | 20.1%      |
| D    | 8.4%       |
| E    | 1%         |
| F    | 0%         |

### **Dapatan Kajian Ketiga: Korelasi Antara Persepsi Pelajar Terhadap Ujian Atas Talian dengan Pencapaian Akhir Markah Penilaian Berterusan Pelajar.**

Bahagian ini menerangkan analisis data secara inferensi. Ujian korelasi telah dijalankan bagi meneliti hubungan antara pemboleh ubah bebas(x) iaitu persepsi pelajar terhadap ujian atas talian, manakala pemboleh ubah bersandar (y) pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar. Pengumpulan data bahagian ini bagi menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu bagi mengukur tahap korelasi antara persepsi pelajar dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan mereka dalam ujian atas talian.

Sebelum ujian korelasi dilaksanakan, terlebih dahulu ujian normaliti perlu dilakukan terhadap kedua-dua pemboleh ubah bagi melihat jenis taburan data. Hasil ujian normaliti yang telah dilakukan ke atas kedua-dua pemboleh ubah menunjukkan pemboleh ubah bebas (x) iaitu persepsi pelajar terhadap ujian atas talian bertabur secara tidak normal. Manakala pemboleh ubah bersandar (y) iaitu pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar bertabur secara

normal. Hasil ujian normaliti tersebut boleh di lihat dalam jadual 5 dan 6 di bawah. Berikut merupakan hasil ujian normaliti terhadap data min persepsi pelajar:

**Jadual 5: Hasil Ujian Normaliti Data Min Persepsi**

|              | Kolmogorov-Smirnov |     |       |
|--------------|--------------------|-----|-------|
|              | Statistik          | Df  | Sig.  |
| Min Persepsi | .121               | 119 | <.001 |

Berdasarkan jadual 5 diatas, hasil analisis ujian normaliti Komogorov-Smirnov terhadap data min persepsi pelajar menunjukkan nilai signifikan berada pada  $p < 0.001$  kurang daripada  $p > 0.05$ . Ini jelas menunjukkan bahawa data min persepsi pelajar bertabur secara tidak normal. Manakala jadual 6 berikut merupakan hasil ujian normaliti bagi data min pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar:

**Jadual 6: Hasil Ujian Normaliti Data Min Pencapaian**

|                | Kolmogorov-Smirnov |     |      |
|----------------|--------------------|-----|------|
|                | Statistik          | Df  | Sig. |
| Min Pencapaian | .056               | 119 | .200 |

Berdasarkan jadual 6 diatas, hasil analisis ujian normaliti Komogorov-Smirnov terhadap data min pencapaian pelajar menunjukkan nilai signifikan berada pada  $p 0.200$  lebih daripada  $p > 0.05$ . Ini jelas menunjukkan bahawa data min persepsi pelajar bertabur secara normal. Oleh kerana salah satu data daripada kedua-dua pemboleh ubah tersebut bertabur secara tidak normal. Maka, ujian jenis korelasi bukan parametrik (non-parametric) jenis Spearman-Rho telah digunakan baki menguji korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Jadual 7 berikut merupakan hasil analisis korelasi antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar:

**Jadual 7: Korelasi Antara Persepsi Pelajar Terhadap Ujian Atas Talian Dengan Pencapaian Akhir Markah Penilaian Berterusan Pelajar (N=119)**

| Hubungan antara pemboleh ubah | $r$   | $r^2$ | Sig.*  |
|-------------------------------|-------|-------|--------|
| Min Persepsi – Min Pencapaian | 0.161 | 0.021 | <0.040 |

\*Signifikan pada tahap 0.05

Berdasarkan jadual di atas, ujian korelasi ke atas pemboleh ubah min persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan min pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar yang dilaksanakan ke atas 119 orang responden, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut dengan nilai pekali korelasi ' $r$ ' = 0.161 dan nilai signifikan  $p < 0.040$ .

Nilai pekali korelasi 0.161 menunjukkan bahawa tahap hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah pada tahap rendah (Davis, 1971). Manakala, nilai varian  $r^2 = 0.021$  menunjukkan bahawa 2.1% daripada tahap pencapaian akhir penilaian berterusan pelajar adalah disumbangkan oleh tahap persepsi mereka. Selebihnya, iaitu 97.9%, mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini.

Oleh itu, keputusan ujian korelasi ini berjaya menolak hipotesis nol yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar. Ini bermakna, terdapat hubungan

signifikan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dengan pencapaian akhir markah penilaian berterusan pelajar, namun pada tahap korelasi yang rendah.

### **Perbincangan Kajian**

Berikut merupakan perbincangan berkaitan ketiga-tiga dapatan kajian yang telah diperolehi dalam kajian ini:

#### **1. Persepsi Pelajar Terhadap Ujian Atas Talian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan ujian atas talian dalam kursus Bahasa Arab. Penemuan ini sejajar dengan dapatan oleh Al-Fraihat et al. (2020) yang mendapati bahawa keberkesanan pembelajaran atas talian sangat bergantung kepada persepsi pengguna dan kesesuaian teknologi. Dalam konteks kajian ini, persepsi positif pelajar disumbang oleh keberkesanan pelaksanaan ujian atas talian.

Namun begitu, kewujudan cabaran teknikal seperti masalah capaian internet (27.7%) dan kesukaran menaip dalam tulisan Arab (19%) menunjukkan bahawa infrastruktur sokongan masih belum mencukupi, terutama bagi kursus bahasa Arab yang memerlukan penulisan skrip bukan Roman. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Yazid et al. (2024) mendapati pelajar mempunyai masalah menghadapi pembelajaran atas talian dari aspek kelemahan teknologi seperti kelemahan capaian internet, kualiti bahan multimedia, serta paparan teks Arab di laman sesawang.

#### **2. Pencapaian Pelajar dalam Penilaian Berterusan**

Sebahagian besar pelajar menunjukkan prestasi yang baik dalam ujian atas talian dengan 70.5% mendapat gred A dan B. Ini mencerminkan bahawa penggunaan ujian dalam talian tidak menghalang prestasi akademik, malah berpotensi menyokong pencapaian pembelajaran jika dilaksanakan dengan betul.

Penemuan ini selaras dengan kajian oleh Vlachopoulos & Makri (2024) yang menyatakan bahawa penilaian dalam talian boleh menyokong pembelajaran yang autentik dan berpusatkan pelajar, terutamanya apabila ia direka bentuk secara menyeluruh dan sejajar dengan hasil pembelajaran. Dalam konteks kursus Bahasa Arab, keberkesanan ini mungkin berpunca daripada penggunaan platform ujian yang dapat menguji pelbagai bentuk pengetahuan seperti objektif, struktur ayat, dan kosa kata secara berinteraktif.

Namun begitu, tanpa data perbandingan dengan pencapaian ujian konvensional, kesimpulan ini tidak dapat diinterpretasi secara menyeluruh kerana faktor seperti perbezaan format penilaian, tahap kesukaran soalan, suasana ujian, serta tahap kebiasaan pelajar terhadap teknologi boleh mempengaruhi pencapaian dalam ujian atas talian. Maka, kajian lanjutan yang melibatkan perbandingan langsung dengan ujian konvensional adalah diperlukan bagi mendapatkan gambaran yang lebih holistik dan objektif.

#### **3. Hubungan Antara Persepsi Pelajar dan Pencapaian Akademik**

Ujian korelasi Spearman menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dan pencapaian mereka ( $r = 0.161$ ,  $p < 0.05$ ). Nilai  $r^2 = 0.021$  menunjukkan bahawa hanya 2.1% variasi dalam pencapaian dapat dijelaskan oleh persepsi pelajar, manakala 97.9% lagi dijelaskan oleh faktor-faktor lain.

Dapatan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa persepsi pelajar turut menyumbang kepada kejayaan akademik pelajar, namun ia bukan faktor utama. Kajian oleh F. Afzal & Crawford (2022) menyokong penemuan ini dengan menunjukkan bahawa persepsi pelajar boleh mempengaruhi motivasi dan penglibatan, tetapi tidak semestinya mencerminkan pencapaian secara langsung.

Pekali korelasi tidak boleh digunakan untuk membuktikan hubungan kausal, kerana kajian korelasi hanya menunjukkan hubungan atau perkaitan antara dua pemboleh ubah, dan bukan hubungan sebab dan akibat (Alias, 1997). Oleh itu, dapatan inferensi dalam kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang lebih positif terhadap ujian atas talian berkemungkinan boleh mempengaruhi prestasi mereka, tetapi dalam skala yang kecil.

Hubungan lemah ini turut menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi tidak boleh hanya bergantung kepada persepsi pelajar semata-mata untuk menilai keberkesanan sesuatu kaedah penilaian, sebaliknya perlu mempertimbangkan pendekatan holistik yang merangkumi reka bentuk penilaian, latihan, dan sokongan teknikal.

### **Implikasi Kajian**

Secara keseluruhan, kajian ini memberikan beberapa implikasi penting yang perlu diberi perhatian. Pertama, pelaksanaan ujian atas talian didapati diterima baik oleh pelajar, namun penambahbaikan dari segi teknikal atau teknologi dan reka bentuk antara muka sangat diperlukan. bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar.

Kedua, pencapaian pelajar dalam ujian atas talian adalah memuaskan, sekali gus menunjukkan bahawa bentuk penilaian ini berkesan sekiranya dirancang dan dilaksanakan secara sistematik.

Ketiga, walaupun persepsi pelajar bukanlah penentu utama kepada pencapaian akademik mereka, namun ia tetap boleh berfungsi sebagai indikator awal dalam menilai keberkesanan intervensi digital, khususnya dalam konteks penilaian pendidikan bahasa secara atas talian.

### **Kesimpulan dan Hala Tuju Masa Depan**

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap pelaksanaan ujian atas talian memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik mereka, khususnya dalam penilaian berterusan. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar memberikan respons yang positif terhadap kaedah penilaian atas talian, dengan menganggap ianya sebagai satu alternatif yang lebih berkesan dan sesuai berbanding pendekatan konvensional. Persepsi positif ini turut dilihat mampu mendorong motivasi pelajar, sekali gus menyumbang kepada peningkatan prestasi mereka dalam konteks pembelajaran berasaskan teknologi, sejajar dengan kehendak pendidikan abad ke-21.

Namun begitu, beberapa isu dan cabaran turut dikenal pasti, termasuk kelemahan dari segi teknikal seperti kestabilan capaian internet, masalah pada rangkaian *Learning Management System* (LMS), kesukaran menaip dalam tulisan Arab, serta gangguan fokus dan persekitaran semasa ujian. Isu lain seperti audio yang tidak jelas dalam ujian mendengar, kelemahan kosa kata, tekanan masa, dan kelewatan paparan soalan turut memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Faktor-faktor ini menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan penilaian atas talian bukan hanya bergantung pada teknologi semata-mata, tetapi juga kepada sokongan menyeluruh termasuk pemantapan literasi digital dan penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Analisis korelasi dalam kajian ini turut menunjukkan hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap ujian atas talian dan pencapaian akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa persepsi positif bukan sahaja memberi kesan psikologi, tetapi juga boleh meningkatkan tahap penglibatan dan pemilikan pelajar dalam proses pembelajaran. Justeru, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk mengiktiraf kepentingan persepsi pelajar dalam merangka strategi penilaian digital yang lebih berkesan.

### **Hala Tuju Masa Depan**

Bagi memastikan pelaksanaan ujian atas talian terus relevan dan berkesan, institusi pendidikan disarankan untuk terus memperkuat infrastruktur teknologi dan menyediakan sokongan teknikal yang mencukupi. Penglibatan pelajar dalam proses penambahbaikan sistem perlu digalakkan melalui pendekatan yang dapat meningkatkan rasa tanggungjawab, pemilikan, dan keterlibatan mereka terhadap pembelajaran. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan sistem, malah dapat membina kepercayaan dan kesediaan pelajar dalam mendepani penilaian atas talian.

Bagi prospek kajian lanjut, pengkaji mencadangkan agar pendekatan kualitatif atau campuran (*mixed method*) digunakan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap pengalaman pelajar. Kajian pada masa akan datang juga wajar menumpukan perhatian kepada isu ketidakjujuran akademik, tekanan emosi semasa penilaian, serta kemahiran pengurusan sendiri pelajar dalam menghadapi ujian atas talian.

Di samping itu, bagi kajian inferensi dicadangkan agar faktor lain seperti motivasi, strategi belajar, dan kemahiran teknikal turut diambil kira dalam meningkatkan keberkesanan pentaksiran atas talian. Selain itu, dicadangkan juga agar kajian perbandingan dijalankan bagi menilai perbezaan pencapaian pelajar antara pelaksanaan ujian atas talian dan ujian secara konvensional. Kajian seumpama ini boleh memberikan gambaran yang lebih objektif tentang keberkesanan setiap kaedah penilaian serta mengenal pasti kelebihan dan kelemahan relatif antara keduanya.

Akhir sekali, aspek etika dan integriti dalam pelaksanaan penilaian atas talian perlu diberi penekanan serius. Kesedaran pelajar terhadap kepentingan etika akademik dan kebertanggungjawaban sendiri perlu dipupuk agar sistem penilaian dalam talian dapat dijalankan secara telus, adil, dan berimpak tinggi terhadap kualiti pendidikan secara keseluruhannya.

## Rujukan

- Abasli, K., Yakut-Ozek, B., & Mammadli, A. (2023). University students' first online exam experience: Is it stressful or joyful? *Higher Learning Research Communications*, 13(1), 32–49.
- Afzal, A., Khan, S., Daud, S., Ahmad, Z., & Butt, A. (2023). Addressing the digital divide: Access and use of technology in education. *Journal of Social Sciences Review*, 3(2), 883–895.
- Afzal, F., & Crawford, L. (2022). Student's perception of engagement in online project management education and its impact on performance: The mediating role of self-motivation. *Project Leadership and Society*, 3, 100057. <https://doi.org/10.1016/j.plas.2022.100057>
- Al-Fraihat, D., Joy, M., Masa'deh, R., & Sinclair, J. (2020). Evaluating e-learning systems success: An empirical study. *Computers in Human Behavior*, 102, 67–86. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2019.08.004>
- Alias Baba. (1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan sains sosial* (Edisi ke-2). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alsadoon, H. (2021). Challenges of deploying online exams. *Revista Romaneasca pentru Educatie Multidimensionala*, 13(1), 403–415.
- Alumalai, L., & Paramasivam, S. (2023). University students' perception of online speaking assessment. *International Journal of Linguistics*, 15(6), 101.
- Arandas, M. F., Salman, A., Idid, S. A., Loh, Y. L., Nazir, S., & Ker, Y. L. (2024). The influence of online distance learning and digital skills on digital literacy among university students post Covid-19. *Journal of Media Literacy Education*, 16(1), 79–93.
- Behbehani, F. N., Mohammadi, A., & Aminazadeh, M. (2022). A systematic review of research on cheating in online exams from 2010 to 2021. *Education and Information Technologies*, 27, 8413–8460.
- Davis, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. Prentice-Hall.
- Gamage, K. A. A., de Silva, E. K., & Gunawardhana, N. (2020). Online delivery and assessment during COVID-19: Safeguarding academic integrity. *Education Sciences*, 10(11), 1–24. <https://doi.org/10.3390/educsci10110300>
- Heinrichs, C. R., & Purcell, S. R. (2020). Students' perceptions of online assessment: Reliability, validity, and trust. *Educational Assessment*, 25(3), 200–215. <https://doi.org/10.1080/10627197.2020.1784320>
- Hodges, C., Moore, S., Lockee, B., Trust, T., & Bond, A. (2020, March 27). The difference between emergency remote teaching and online learning. *Educause Review*. <https://er.educause.edu/articles/2020/3/the-difference-between-emergency-remote-teaching-and-online-learning>
- Holm, P. (2025). Impact of digital literacy on academic achievement: Evidence from an online anatomy and physiology course. *E-Learning and Digital Media*, 22(2), 139–155.
- Ismail, M. A.-A., Roslan, N. S., Fakri, N. M. R. M., & Baharuddin, K. A. (2025). Online assessment using secured open source platform in a Malaysian public university medical school: Perceived usefulness, perceived ease of use and acceptance. *Education in Medicine Journal*.
- Jalo, H. S., Adamu, D., & Abdullahi, U. A. (2021). Comparative study of computer based test and paper based test in assessing students in general subject. *International Journal on Perceptive and Cognitive Computing*, 7(1), 125–131.
- Kaup, S., Jain, R., Shivalli, S., Pandey, S., & Kaup, S. (2020). Sustaining academics during COVID-19 pandemic: The role of online teaching-learning. *Indian Journal of Ophthalmology*, 68(6), 1220–1221.

- Kucherova, O. O., & Ushakova, I. O. (2022). Effectiveness of online testing in general English university course from teacher and student perspectives. *Information Technologies and Learning Tools*, 87(1), 185–198.
- Kuluşaklı, E. (2024). Distance learners' perceptions of online exam at tertiary level. *International Journal of Social Sciences Academy (USBAD)*, 15, 2–5.
- Kurniati, D., Riyono, A., & Utomo, B. (2023). Challenges in online assessment: The case of Indonesian teachers. *International Journal of Social Science*, 2(5), 2063–2068.
- Lee, H. J. J., Ling, M. H., & Yau, K. L. A. (2023). College students' perception and concerns regarding online examination amid COVID-19. *International Journal on Advanced Science, Engineering and Information Technology*, 13(4), 1589–1597.
- Makgakga, T. P. (2023). Undergraduate students' perceptions of the use of online examinations in an open and distance learning environment. *Progressio*, 45.
- Meo, F. D., & Martí-Ballester, C. P. (2020). Effects of the perceptions of online quizzes and electronic devices on student performance. *Australasian Journal of Educational Technology*, 36(1), 111–125.
- Ocak, G., & Karakuş, G. (2021). Undergraduate students' views of and difficulties in online exams during the COVID-19 pandemic. *Themes in eLearning*, 14, 13–30.
- Osabutey, E. L. C., Senyo, P. K., & Bempong, B. F. (2024). Evaluating the potential impact of online assessment on students' academic performance. *Information Technology and People*, 37(1), 152–170.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Routledge.
- Rahman, H. A. (2021). Kesan e-penilaian terhadap pembelajaran Bahasa Arab: Satu tinjauan. *Jurnal Dunia Arab Edisi Khas CALL*, 8, 50–65.
- Rauf, M., & Ahmad, N. (2020). Persepsi pelajar terhadap penilaian atas talian dan kesannya terhadap pencapaian akademik mereka. *Jurnal Pendidikan dan Penyelidikan Pembelajaran Atas Talian*, 7(3), 229–236.
- Razali, N., & Mohd Adnan, A. H. (2022). Peperiksaan dalam talian: Kajian kes pemeriksa dan pelajar jarak jauh universiti 'ODL' di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11).
- Sarrayrih, M. A., & Ilyas, M. (2013). Challenges of online exam, performances, and problems for online university exam. *International Journal of Computer Science Issues*, 10(1), 439–443.
- Sengupta, S. (2021). Technical barriers in online learning: A study of student experiences during COVID-19. *Education and Information Technology*, 26(5), 6579–6594.
- Vlachopoulos, D., & Makri, A. (2024). A systematic literature review on authentic assessment in higher education: Best practices for the development of 21st century skills, and policy considerations. *Studies in Educational Evaluation*, 83, 101425.
- Waheeda, A., Muna, F., Shina, A., & Shaheeda, F. (2023). Benefits of online assessments in higher education institutions: Lessons from COVID-19 pandemic. *Journal of Business and Social Sciences*, 2023(June), 3.
- Yazid, M. T. M., Sulong, W. M. W., Mustapha, N. F., & Jabar, M. A. A. (2024). Keperluan membangunkan modul elektronik bagi pembelajaran bertutur Bahasa Arab. *Afaq Lughawiyyah*, 2(2), 377–397.